

03/01/2000

PPP anggap jaminan PM sebagai penghargaan

KUALA LUMPUR, Ahad - Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) menyifatkan jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi jawatan kerajaan kepada wakil parti itu sebagai penghargaan dan pengiktirafan perjuangan mereka bersama Barisan Nasional (BN) selama ini.

Presidennya, Datuk M Kayveas, berkata jaminan Perdana Menteri sekali gus memperkukuhkan semangat perjuangan ahli PPP serta memantapkan landasan perjuangan mereka.

Menurutnya, ahli PPP kehilangan arah perjuangan apabila mendapati pengorbanan mereka selama ini seolah-olah tidak dihargai kerana tiada pemimpin parti terpilih menyertai kerajaan.

"Sehingga semalam ahli PPP tidak ada arah, mereka ingat Perdana Menteri dan BN tinggalkan PPP, tetapi selepas Perdana Menteri beri kenyataan segalanya berubah.

"Tambah pula Perdana Menteri memberi jaminan selain menggunakan perkataan yang kukuh seperti 'terhutang budi' (kepada PPP)," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri pada majlis rumah terbuka dan berbuka puasa PPP semalam bahawa wakil parti berkenaan akan dilantik dalam kerajaan selepas dilantik sebagai ahli Dewan Negara apabila ada kekosongan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, setakat ini tidak ada kekosongan untuk melantik senator kerana semua ahli sudah diwakili parti komponen dan beliau tidak boleh mengambil tempat parti lain untuk diberikan kepada PPP.

Dr Mahathir yang mengucapkan tahniah kepada PPP kerana terbabit secara aktif dalam pilihan raya umum lalu berkata, penyertaan semua parti komponen dalam kerajaan penting bagi membuktikan peranan dapat dilaksanakan bersama.

Kayveas berkata, beliau gembira kerana ahli PPP kini sudah memahami kedudukan sebenar PPP dalam BN dan percaya tidak akan wujud lagi masalah mengenai jawatan dalam kerajaan.

Menurutnya, ramai ahli PPP tidak memahami mengapa tiada pemimpin parti mendapat jawatan dalam kerajaan walaupun mereka bertungkus-lumus menjayakan agenda BN.

"Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi penjelasan itu, saya harap ahli PPP faham dan dapat menanti sehingga ada kekosongan," katanya.

Mengenai kesan kenyataan Perdana Menteri itu terhadap politik dalaman parti, Kayveas berkata beliau menjangkakan akan ada pihak tertentu yang cuba merampas kepimpinan parti sekarang.

(END)